

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : MAJLIS PELANCARAN RASMI KIT BENDERA NURY
Lokasi : INSTITUT NURY, JALAN U THANT, KUALA LUMPUR
Tarikh : 19-08-1987

Yang Berbahagia Datin Dr. Nor Laily;

Dif-Dif Kehormat;

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terlebih dahulu marilah kita melafazkan kesyukuran kepada Allah Subhanahu Wataala kerana dapat bersama-sama dengan anak-anak kita di Majlis yang bahagia ini untuk meraikan hari NURY yang ketiga. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih atas penghormatan yang telah diberikan kepada saya untuk melancarkan Kit Bendera NURY pada petang ini.

2. Ibu bapa telah memainkan peranan yang penting dalam menjayakan program-program NURY. Melalui penglibatan itu, ibu bapa telah memperolehi banyak bantuan serta panduan dari NURY dalam membimbing dan meningkatkan pembangunan serta perkembangan anak-anak mereka dengan baik. Kepada kakitangan Institut NURY saya ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih dan tahniah atas segala jasa dan khidmat mereka dalam mengasaskan pembangunan anak-anak kita.

Tuan-tuan dan Puan-Puan,

3. Saya telah banyak menerima bahan-bahan tentang konsep-konsep dan cara-cara meningkatkan pembangunan intelek anak-anak sepanjang masa hampir dua tahun. Saya dapati bahawa sebenarnya setiap ibu bapa mempunyai peluang yang amat luas untuk meningkatkan pembangunan anak mereka ke tahap cemerlang. Cara-caranya amat mudah sekali asalkan kita dapat mencurahkan kepada anak-anak kita kasih sayang yang sepenuhnya serta menggunakan masa yang ada bagi mengasaskan pembangunan anak-anak kita dengan sebaik-baiknya.

4. Semua ibu bapa yang telah dapat manfaat dari program NURY ini telah menyedari dan bertambah yakin bahawa anak-anak mereka boleh ditingkatkan pembangunan mereka ke tingkat cemerlang dari segi pembangunan fizikal, emosi, sosial dan intelek sekiranya program stimulasi itu dijalankan dengan rapi serta tersusun dan juga dimulakan semasa anak itu masih kecil lagi.

5. Kita tidak perlu lagi rasa ragu atau terganggu dengan kata-kata bahawa anak yang diberikan stimulasi terlalu awal akan terbakar otaknya, atau anak-anak itu dikecualikan daripada menikmati penghidupan sebagai seorang anak kecil.

6. Semua anak perlu menerima stimulasi awal -- lebih awal lebih baik. Dengan itu maka saya ingin menyeru kepada semua ibu bapa supaya menyambut baik program ini dan menggunakan peluang yang ada untuk mengasaskan anak-anak dari masa peringkat awal lagi. Ini adalah supaya mereka bukan sahaja boleh diperkuatkan asas pembangunan ke tahap yang lebih tinggi tetapi juga akan dapat disemaikan rasa cinta, keriang dan kegembiraan dengan terhasilnya kebolehan mereka membaca, menulis, memperolehi ilmu pengetahuan dan yang lebih penting ialah berkeupayaan untuk membuat sesuatu dengan cemerlang dari usia yang lebih awal lagi. Dalam hal ini kita harus sedar bahawa ibu bapa sendiri semestinya memperolehi dan melengkapkan diri mereka dengan ilmu pengetahuan serta pengalaman dalam bidang pembangunan kanak-kanak.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

7. Saya amat gembira apabila diberitahu bahawa ramai ibu bapa dalam program NURY, termasuk ibu bapa di kampung-kampung, amat ghairah sekali melaksanakan program pengasasan untuk anak-anak

mereka. Saya difahamkan juga bahawa ramai di antara mereka telah membuat buku-buku sendiri untuk mengajar anak-anak mereka membaca. Ada pula yang telah belajar Bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa lain.

8. Perkara yang lebih penting sekarang dan yang perlu ditekankan bukan lagi persoalan sama ada anak kecil boleh diajar membaca, tetapi komitmen kita mencari cara-cara yang tepat dan berkesan untuk dilaksanakan semasa anak kita masih kecil lagi. Dalam hal ini saya amat gembira sekali kerana NURY telah mengambil inisiatif dalam menyediakan KIT Bendera yang mengandungi banyak bahan-bahan stimulasi yang tentu sekali akan memperkayakan proses pembangunan intelek anak serta membantu ibu bapa dalam menjayakan proses itu.

9. Harapan saya ialah NURY akan terus menghasilkan lebih banyak lagi bahan-bahan untuk pembangunan anak-anak di peringkat awal yang merangkumi berbagai bidang, seperti bacaan, matematik, program hafiz, muzik, bahasa, kreatif, dan lain-lain.

10. Dalam usaha ini saya yakin dan percaya bahawa NURY akan terus menerokai bidang-bidang kajian dan penyelidikan yang sedia ada agar bahan-bahan dan panduan yang bernas dapat digunakan sepenuhnya demi untuk manfaat ibu bapa dan anak-anak di Malaysia.

11. Saya juga amat gembira sekali kerana dalam usahanya, NURY telah menggunakan banyak bahan-bahan penyelidikan dari dalam dan luar negeri melalui berbagai usaha kerjasama dengan institusi-institusi penyelidikan, khususnya "Institutes for the Achievement of Human Potential, Philadelphia" yang dipimpin oleh Dr. Glenn Doman.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

12. Satu lagi perkara yang menarik perhatian saya ialah penglibatan ibu bapa dalam usaha-usaha yang dimajukan oleh NURY. Ini adalah amat penting kerana ibu bapa merupakan orang yang pertama dan utama sekali dalam menentukan pembangunan anak masing-masing.

13. Berhubung dengan perkara ini saya menyokong sepenuhnya usaha NURY dalam membentuk Jawatankuasa Ibu bapa di Institut NURY. Saya yakin dan percaya Jawatankuasa itu boleh memainkan peranan penting dalam menjayakan pembangunan anak-anak kita. Saya menyeru kepada semua ibu bapa supaya memberikan sokongan yang sepenuhnya kepada Jawatankuasa Ibu bapa itu.

14. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan berbilang terima kasih kepada Yang Berbahagia Datin Dr. Noor Laily atas undangan beliau ke Majlis petang ini. Segala usaha dan dedikasi yang telah diberikan oleh semua pegawai dan kakitangan NURY kepada anak-anak dan ibu bapa mereka tentu sekali amat dihargai, dan saya ucapkan tahniah. Saya berharap usaha ini akan berterusan.

15. Dengan ini saya dengan penuh kesyukuran serta ucapan Bismillahir Rahmanir Rahim melancarkan KIT Bendera NURY dengan rasminya. Saya berdoa semoga KIT Bendera ini akan membawa manfaat kepada semua anak-anak dan ibu bapa di negara ini.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.